

BAYARAN PERKHIDMATAN MENCETAK DAN PENGEPOSAN NOTIS SAMAN POLIS

Polis Diraja Malaysia
Kementerian Dalam Negeri

Perkara Utama

- | | |
|--|---|
| Apa yang diaudit? | <ul style="list-style-type: none">• Bayaran Perkhidmatan Mencetak dan Pengeposan Notis Saman Polis Diraja Malaysia (PDRM) kepada syarikat perkhidmatan 227963-P. |
| Mengapa ia penting untuk diaudit? | <ul style="list-style-type: none">• Untuk menentukan sama ada bayaran perkhidmatan mencetak dan pengeposan notis saman polis dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi undang-undang, peraturan kewangan serta perjanjian yang berkuat kuasa. |
| Apa yang ditemui Audit? | <ul style="list-style-type: none">• Secara keseluruhannya, berdasarkan skop Audit, terdapat kelemahan dalam pembayaran perkhidmatan mencetak dan pengeposan notis saman polis. PDRM telah membuat pembayaran sebelum perkhidmatan dilaksanakan yang melibatkan pembayaran berjumlah RM17.76 juta dan denda notis lewat dipos berjumlah RM1.82 juta tidak dikenakan. Selain itu, syarikat perkhidmatan 227963-P telah melantik subkontraktor tanpa kelulusan dengan nilai kontrak berjumlah RM32.58 juta. |
| Apa yang disyorkan Audit? | <ul style="list-style-type: none">• Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:<ul style="list-style-type: none">- PDRM hendaklah memastikan pembayaran dibuat mengikut ketetapan perjanjian dan berdasarkan jumlah sebenar bilangan notis saman yang dicetak dan dipos oleh syarikat perkhidmatan;- PDRM hendaklah memastikan pemantauan terhadap tempoh penyempurnaan perkhidmatan mencetak dan pengeposan notis saman dibuat dengan lebih berkesan dengan mengambil tindakan segera terhadap sebarang kelewatan yang berlaku; dan |

- PDRM hendaklah menguatkuasakan klausa perjanjian sedia ada dan menambah baik terma perjanjian untuk menjamin kepentingan Kerajaan.